

SIARAN MEDIA

KPKT ANJUR PERSIDANGAN PRESIDEN TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA

PUTRAJAYA, 12 September 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Majlis Pembukaan Persidangan Presiden Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) 2023 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pagi ini.

Persidangan Presiden TPPS ini merupakan persidangan tahunan yang berlangsung selama tiga hari bermula 12 hingga 14 September 2023 di The Everly Putrajaya. Persidangan ini bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan TPPS melalui pendekatan penyelesaian berkaitan aspek tatacara kerja, strategi pencapaian KPI, isu-isu berkaitan kes, undang-undang dan akta yang berkaitan. Ia juga merupakan platform terbaik bagi meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang berkaitan perundangan dan perumahan. Seramai 39 orang Presiden TPPS telah menghadiri persidangan kali ini selain turut disertai oleh barisan kepimpinan dan tenaga kerja TPPS.

TPPS telah berjaya mengekalkan kecemerlangan pencapaian prestasi *Key Performance Indicator* (KPI) atau Petunjuk Prestasi Utama pada setiap tahun sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Sejak TPPS beroperasi sehingga kini, jumlah pendaftaran kes dan penyelesaian kes bagi kedua-dua Tribunal meningkat dengan ketara pada setiap tahun. Pada tahun 2022, rekod pendaftaran dan penyelesaian kes bagi kedua-dua Tribunal yang paling tinggi telah dicatatkan iaitu sebanyak 9,617 kes didaftarkan dan 12,006 kes diselesaikan berbanding tahun sebelumnya iaitu 7,203 kes didaftarkan dan 7,459 kes diselesaikan. Manakala bagi tahun 2023, sehingga 31 Ogos 2023 sebanyak 6,831 kes didaftarkan dan 7,378 kes diselesaikan di bawah kedua-dua Tribunal.

KPI TPPS adalah seperti berikut:

- i. Menyelesaikan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dalam masa 110 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes; dan
- ii. Menyelesaikan tuntutan di Tribunal Pengurusan Strata dalam masa 150 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes.

Menurut YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, “Pemakaian KPI adalah amat relevan sebagai kayu pengukur standard dalam mendengar dan mengadili tuntutan pembeli rumah dan pengurusan strata. Saya berharap semua Presiden dapat menjalankan tugas dengan penuh komited, telus, berintegriti dan penuh bertanggungjawab serta bertindak adil kepada kedua-dua pihak semasa mengendalikan prosiding.”

Selaras dengan era perkhidmatan Kerajaan Digital pada masa kini, TPPS dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), KPKT telah membangunkan sistem eTPS. Melalui sistem ini, orang ramai dapat melakukan pendaftaran kes dan pembayaran secara dalam talian. Sistem eTPS mampu melaksanakan proses kerja bermula daripada pendaftaran kes sehinggalah kes selesai dan telah sedia digunakan sepenuhnya bermula September tahun ini.

TPPS sedang menyediakan sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) yang boleh digunapakai di kaunter pendaftaran TPPS bermula pada penghujung tahun 2023. Justeru, dengan adanya sistem pembayaran tanpa tunai ini, sistem kerja akan bertambah mudah, pantas dan selamat.

Pembangunan dan penyediaan kedua-dua perkhidmatan ini merupakan manifestasi kesungguhan dan komitmen TPPS dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik, pantas dan efisien kepada orang ramai. Ini adalah selaras dengan matlamat penubuhan TPPS sebagai forum alternatif dalam menyelesaikan pertikaian perumahan dan pengurusan strata secara mudah, murah dan cepat.

KPKT terus komited dalam penyediaan perumahan yang berkualiti kepada rakyat. Peranan ini turut meliputi aspek pengurusan dan penyelesaian isu strata. Kepentingan dan hak pemilik rumah turut menjadi tanggungjawab dan fokus KPKT melalui pelaksanaan akta-akta serta undang-undang yang berkaitan.

Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBrs. Puan D.Sunita Kaur Jessy, Pengerusi Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, dan barisan pengurusan tertinggi kementerian dan agensi di bawah KPKT.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

